

# Hasanah Bersama Rakyat meriah

ROSHILA MURNI ROSLI

JITRA

Parlimen Jerlun menjadi destinasi keempat bagi program Hasanah Bersama Rakyat di Sekolah Kebangsaan Putat, di sini Sabtu lalu.

Ahli Parlimen Jerlun, Datuk Othman Aziz berkata, program berkenaan berjaya menarik hampir 5,000 pengunjung pelbagai lapisan masyarakat sepanjang satu

**Hasanah**  
bersama Rakyat  
#BerudiBersama  
#DoGoodTogether

hari program berkenaan berlangsung.

"Program ini ditaja sepenuhnya oleh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dengan Yayasan Hasanah dan beberapa lagi yaysan mereka bagi mengadakan program berbentuk khidmat masyarakat (CSR) di sini," katanya.

Menurutnya, terdapat lebih 60 reruai yang mengambil bahagian terdiri daripada NGO, GLIC, GLC, dan lain-lain agensi bukan berdasarkan keuntungan.



Othman mendengar penerangan daripada salah seorang kakitangan gerai yang dilawati.

"Sebenarnya program ini meliputi pelbagai segmen masyarakat - antaranya berkaitan pelajaran, kebudayaan, ekonomi, hal kehidupan seharian rakyat seperti Wang Tidak Dituntut dan banyak lagi," katanya.

Othman yang juga Timbalan Menteri

Kewangan I berkata, Khazanah memainkan peranan yang penting dalam membangunkan ekonomi negara dan setempat.

"Mungkin ramai yang tidak arif tentang Khazanah dan fungsinya, tetapi saya percaya ramai yang menerima manfaat daripada

syarikat-syarikat yang dimiliki Khazanah.

"Sebagai contoh syarikat gergasi yang dimiliki Khazanah, CIMB Bank, Telekom Malaysia, Tenaga Nasional, PLUS Expressways, Celcom Axiata, Malaysia Airports dan Malaysia Airlines.

"Selain menyediakan perkhidmatan kepada orang ramai, syarikat ini juga memberi pulangan dividen yang besar kepada Khazanah dan kerajaan.

"Dividen inilah yang digunakan untuk membangunkan negara kita dan juga dimanfaatkan untuk kesejahteraan rakyat," katanya.

Othman berkata, dalam program berkenaan Khazanah turut berbesar hati menyampaikan sumbangan sebanyak RM10,000 kepada SK Putat untuk mmbiayai pembelian sistem siaran serta membaik pulih kemudahan asas di sekolah berkenaan.

Turut hadir bersama, Pengerusi Yayasan Hasanah, Tan Sri Md Nor Md Yusof, Timbalan Pengarah Urusan Khazanah, Tengku Datuk Seri Azmil Zahrudin Raja Abdul Aziz, Ketua Pegawai Kewangan Khazanah, Faridah Bakar Ali dan Adun Kota Siputeh, Datuk Abu Hasan Sarif.

Othman mendengar penerangan daripada salah seorang pengunjung di kaunter, wantang tidak dituntut.